



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.7 (39)

Tarikh : **04** Oktober 2023

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 5
TAHUN 2023**

**SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI DAN KANAK-KANAK
1 BULAN HINGGA 6 TAHUN BAGI TUJUAN PENDIDIKAN EDISI KEDUA MULAI
TAHUN 2023**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Senarai Semak Pengesanan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua Mulai Tahun 2023.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) mendapat akses yang sewajarnya kepada pendidikan yang berkualiti.

3. Pengesanan awal merujuk kepada proses mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai kesukaran dalam pembelajaran dan ciri berkeperluan khas dengan menggunakan instrumen yang bersesuaian. Pengesanan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan kanak-kanak memperoleh intervensi yang bersesuaian seawal mungkin ke arah meminimumkan impak ketidakupayaan mereka.

4. Pada tahun 2013, KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sains Malaysia telah menghasilkan Senarai Semak Pengesahan (SSP) Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 0 hingga 6 Tahun Edisi 2013. SSP Edisi 2013 telah diedarkan untuk kegunaan guru, ibu bapa atau penjaga bagi mengesan kelewatan perkembangan dalam kalangan kanak-kanak yang boleh mengakibatkan kesukaran belajar.
5. Berdasarkan keperluan semasa dan maklum balas pengguna, SSP Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 0 hingga 6 Tahun Edisi 2013 telah ditambah baik kepada SSP Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua. Melalui SSP edisi kedua ini, ibu bapa atau penjaga boleh merujuk pengamal perubatan profesional sekiranya terdapat ciri kelewatan perkembangan yang dikenal pasti terhadap anak mereka.
6. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 40 Tahun 2021 bertarikh 23 November 2021 telah meluluskan Senarai Semak Pengesahan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua untuk kegunaan pengesahan awal MBPK.
7. Senarai Semak Pengesahan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua yang disertakan bersama-sama surat siaran ini adalah sebagai rujukan kepada semua pihak di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM bagi:
 - 7.1 mengesan tahap perkembangan bayi dan kanak-kanak;
 - 7.2 mengenal pasti tanda-tanda kelewatan dalam domain perkembangan bayi dan kanak-kanak;
 - 7.3 mengenal pasti pencapaian bayi dan kanak-kanak;
 - 7.4 mengenal pasti keperluan rujukan kepada pengamal perubatan;
 - 7.5 merancang intervensi yang sesuai;
 - 7.6 menyediakan perkhidmatan sokongan yang sesuai; dan
 - 7.7 merancang pendidikan yang sesuai mengikut keperluan kanak-kanak.

8. Diingatkan bahawa Senarai Semak Pengesahan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua ini disediakan dalam konteks pendidikan untuk tujuan intervensi awal, merancang pelan pendidikan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan bayi atau kanak-kanak yang berkaitan dan bukan bagi maksud kesihatan. Oleh itu, senarai semak ini digunakan sebagai rujukan dan tidak menjelaskan apa-apa senarai semak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan termasuk KKM. Senarai semak ini juga tidak bertujuan mengganti penilaian dan diagnosis oleh pengamal perubatan profesional.

9. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

10. Senarai Semak Pengesahan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/surat-siaran>.


11. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK HAJI PKNARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI DAN KANAK-KANAK 1 BULAN HINGGA 6 TAHUN BAGI TUJUAN PENDIDIKAN [EDISI KEDUA]



**Cetakan Pertama 2021
Cetakan Kedua 2023**

© Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Semua artikel, ilustrasi dan kandungan buku daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin bertulis daripada Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2, Blok E2, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Tel.: 03-8884 9190
Faks: 03-8888 6670

ISBN 978-967-26116-1-5

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI DAN KANAK-KANAK 0 HINGGA 6 TAHUN/ Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
ISBN 978-967-26116-1-5

1. Child development.
 2. Infants--Development.
 3. Infants--Growth.
 4. Children with disabilities--Development.
 5. Government publications--Malaysia.
- I. Malaysia. Kementerian Pendidikan. Bahagian Pendidikan Khas.
305.231

**SENARAI SEMAK PENGESANAN
PERKEMBANGAN BAYI DAN KANAK-KANAK
1 BULAN HINGGA 6 TAHUN
BAGI TUJUAN PENDIDIKAN
EDISI KEDUA**

Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia

Kata Alu-Aluan

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Malaysia MADANI; dan
Salam Anak yang Baik lagi Cerdik.

Syukur ke hadrat Allah swt dan syabas diucapkan kepada Bahagian Pendidikan Khas atas kejayaan membangunkan Senarai Semak Pengesahan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari kepentingan pengesahan awal ke atas kanak-kanak bagi membolehkan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) menerima pendidikan yang tepat dan berkualiti serta sesuai dengan keupayaan mereka bagi pembinaan generasi Anak yang Baik lagi Cerdik, yang mampu berdikari dan menyumbang kepada produktiviti negara.

Oleh itu, senarai semak pengesahan (SSP) ini bukan sahaja disediakan bagi membantu para pendidik, malah ibu bapa serta penjaga juga boleh menggunakan SSP yang sama dalam mengenal pasti ciri-ciri ketidakupayaan anak mereka. Maklumat yang diperoleh melalui SSP turut boleh membimbing pihak yang berkaitan untuk menentukan perkhidmatan sokongan pendidikan khas yang sesuai diberikan kepada kanak-kanak seawal mungkin. Di samping itu, usaha ini akan membantu mengurangkan impak ketidakupayaan kanak-kanak dalam mengikuti pembelajaran di sekolah.

Harapan saya semoga SSP ini dimanfaatkan sebaik mungkin sebagai salah satu pemangkin kepada pelaksanaan perkhidmatan sokongan pendidikan khas yang berkesan di KPM.

Sekian, terima kasih.

DATUK HAJI IDRIS HARUDDIN BIN HAJI GHAZALI

**PENGARAH
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Malaysia MADANI.

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan di atas penghasilan Senarai Semak Pengesanan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua. Penghasilan senarai semak pengesanan (SSP) ini merupakan satu usaha yang amat penting dalam mengurangkan impak ketidakupayaan bayi dan kanak-kanak berkeperluan khas. SSP membolehkan ketidakupayaan dikesan lebih awal agar pelaksanaan intervensi serta aktiviti khususnya dari aspek kesediaan mereka untuk ke pendidikan formal disediakan.

Intervensi awal merupakan satu perancangan pendidikan yang khusus kepada bayi atau kanak-kanak mulai sejak lahir sehingga umur persekolahan. Kefahaman dan pengetahuan intervensi sebaik-baiknya turut diberikan kepada ibu bapa atau keluarga terdekat agar wujud kesinambungan serta memberi impak yang baik kepada bayi atau kanak-kanak berkenaan.

Selain dari keperluan intervensi ke atas bayi atau kanak-kanak berkenaan, SSP juga dihasilkan atas usaha untuk mengenal pasti dan membolehkan perkhidmatan sokongan yang bertepatan dapat diberikan. Sesungguhnya, pelaksanaan intervensi awal yang dirancang dengan betul dan tepat akan mampu meningkatkan potensi diri murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK), menerapkan kebolehan untuk berdikari seterusnya meningkatkan kualiti hidup bayi atau kanak-kanak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.


DR. RODIAH BINTI IDRIS

KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	1
1.1 Kemahiran Motor	3
1.2 Penglihatan	3
1.3 Pendengaran	3
1.4 Pertuturan dan Bahasa	3
1.5 Personal Sosial	4
1.6 Kognitif	4
2.0 MATLAMAT	4
3.0 OBJEKTIF PENGESANAN AWAL	5
4.0 KUMPULAN SASARAN	5
5.0 PENTADBIR SSP	5
6.0 LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN SSP	5
7.0 CARTA ALIR PELAKSANAAN SSP	7
SENARAI SEMAK PENGESANAN	8
PERKEMBANGAN BAYI 1 BULAN	9
PERKEMBANGAN BAYI 3 BULAN	10
PERKEMBANGAN BAYI 6 BULAN	11
PERKEMBANGAN BAYI 9 BULAN	12
PERKEMBANGAN BAYI 12 BULAN	13
PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 18 BULAN	14
PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 2 TAHUN	15
PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 3 TAHUN	16
PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 4 TAHUN	17
PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 5 TAHUN	18
PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 6 TAHUN	19
LAMPIRAN	21
SENARAI PUSAT PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KHAS (3PK)	31
RUJUKAN	35
PENGHARGAAN	37



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**PANDUAN PENTADBIRAN
SENARAI SEMAK PENGESETAN PERKEMBANGAN
BAYI DAN KANAK-KANAK
1 BULAN HINGGA 6 TAHUN
BAGI TUJUAN PENDIDIKAN**

1.0 PENGENALAN

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) telah menghasilkan Senarai Semak Pengesahan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan Hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua untuk mengenal pasti tahap perkembangan murid.

Senarai semak pengesahan (SSP) yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada pencapaian tahap perkembangan (developmental milestone) normal bayi dan kanak-kanak mengikut umur. Perkembangan ini merupakan perubahan yang berlaku secara berterusan bermula dari lahir dan turut dipengaruhi oleh faktor baka dan persekitaran seseorang individu. Enam domain perkembangan yang utama menjadi asas kepada penilaian SSP; iaitu kemahiran motor, penglihatan, pendengaran, pertuturan dan bahasa, personal sosial, dan kognitif.

SSP merupakan satu senarai semak yang boleh dilaksanakan terutamanya oleh ibu bapa atau penjaga, guru, pendidik, dan pengasuh bayi serta anak-kanak sama ada secara pemerhatian formal atau tidak formal. Penilaian ini boleh memberi gambaran awal tentang perkembangan bayi dan kanak-kanak dalam membantu pentadbir SSP mengenal pasti ciri-ciri ketidakupayaan mereka sekiranya berkaitan.


Sekiranya bayi dan kanak-kanak tidak mencapai perkembangan sepatutnya pada tahap umur tertentu, ini merupakan suatu indikator berlakunya kelewatan dalam perkembangan mereka. Oleh yang demikian, bayi atau kanak-kanak berkenaan perlu dirujuk kepada pegawai atau pengamal perubatan melalui perbincangan dan persetujuan ibu bapa atau penjaga dengan kadar segera.

Sejajar dengan Akta Orang Kurang Upaya 2008, Seksyen 36 (1b), SSP dibina bagi memastikan pengesahan awal ketidakupayaan dan intervensi yang tepat dapat dijalankan bagi mengelakkan ketidakupayaan yang lebih ketara. Pengesahan awal perkembangan bayi atau kanak-kanak merupakan satu proses yang penting dalam usaha mengurangkan atau mengelakkan impak ketidakupayaan yang berpanjangan. Di samping itu, pengesahan awal secara tidak langsung membantu mereka bergaul, bermain dan belajar bersama-sama rakan sebaya.

Tujuan utama pengesahan awal dilakukan adalah untuk mengenal pasti tahap perkembangan terkini bayi dan kanak-kanak, aspek lewat perkembangan, keperluan perkhidmatan sokongan dan intervensi awal serta merancang pelan pendidikan individu yang bersesuaian dengan tahap perkembangan mereka. Maklumat yang

diperoleh daripada hasil penilaian ini dapat digunakan untuk merancang aktiviti yang boleh meningkatkan keupayaan bayi atau kanak-kanak tersebut. Tanda-tanda kelewatan perkembangan boleh dirujuk dalam **Lampiran A**. Cadangan aktiviti rangsangan turut disertakan dalam **Lampiran B** sebagai rujukan pentadbir SSP bagi melaksanakan aktiviti yang bersesuaian.

Terdapat enam domain perkembangan utama SSP, iaitu kemahiran motor, penglihatan, pendengaran, pertuturan dan bahasa, personal sosial dan kognitif seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Enam domain perkembangan utama SSP

Berikut adalah penerangan bagi setiap domain perkembangan yang dinilai dalam SSP:

1.1 Kemahiran Motor

Kemahiran motor terbahagi kepada tindak balas refleks, motor kasar dan motor halus.

i. Tindak balas refleks

Tindak balas refleks ialah pergerakan automatik terhadap rangsangan kemahiran motor yang diterima oleh badan. Tindak balas refleks sangat penting untuk perkembangan dan kefungsian sistem saraf.

ii. Motor kasar

Kemahiran motor kasar merangkumi perkembangan postur statik, keseimbangan badan dan beberapa jenis pergerakan seperti merangkak dan berjalan.

iii. Motor halus

Kemahiran motor halus pula ialah koordinasi badan antara pergerakan otot-otot yang lebih kecil pada tangan dalam aktiviti seperti menggunakan pensel, menggunting atau membutang. Kemahiran motor halus melibatkan pergerakan tangan dan jari-jemari seperti mengutip objek dan menggunakan sudu.

1.2 Penglihatan

Perkembangan penglihatan merangkumi penetapan visual, iaitu keupayaan melihat objek yang statik dan bergerak di persekitaran bayi dan kanak-kanak. Selain itu, kemahiran ini juga melibatkan pemahaman visual di mana mereka perlu memproses dan memahami perkara, situasi atau objek yang dilihat.

1.3 Pendengaran

Perkembangan pendengaran ialah kebolehan bayi dan kanak-kanak berupaya mengenal pasti arah bunyi, membezakan jenis-jenis bunyi persekitaran dan memahami bahasa yang digunakan.

1.4 Pertuturan dan Bahasa

Pertuturan dan bahasa adalah satu proses kognitif yang berkembang melalui interaksi dengan orang sekeliling serta dipengaruhi oleh faktor biologi, kognitif, psikososial dan keadaan persekitaran. Kemahiran berkomunikasi ialah kebolehan bayi dan kanak-kanak mengguna dan mengabungjalinkan strategi komunikasi verbal dan bukan verbal bagi mendapatkan perhatian, permintaan, menunjukkan emosi, bertanya, menjawab soalan dan memberi komen.

1.5 Personal Sosial

Personal sosial merujuk kepada keupayaan bayi dan kanak-kanak untuk mengurus diri dan berinteraksi dengan orang lain. Kemahiran ini membolehkan mereka membentuk dan mengekalkan perhubungan serta belajar tentang tingkah laku yang sesuai dengan masyarakat dan budaya setempat. Kemahiran ini turut merangkumi kawalan emosi, iaitu keupayaan mereka untuk menzahirkan emosi yang bersesuaian dan efektif untuk membentuk serta mengekalkan hubungan sosial.

1.6 Kognitif

Kemahiran kognitif ialah keupayaan bayi dan kanak-kanak untuk mengguna dan mengintegrasikan proses mental seperti pengamatan, persepsi, memori dan pemahaman konsep bagi menyelesaikan masalah. Kemahiran ini merangkumi kebolehan untuk memberi perhatian, keupayaan untuk mengatur diri (self-organisation) dan mengawal diri (self-regulation).

Diingatkan bahawa Senarai Semak Pengesanan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua disediakan dalam konteks pendidikan untuk tujuan intervensi awal serta merancang pelan pendidikan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan bayi dan kanak-kanak yang berkaitan dan bukan bagi maksud kesihatan. Oleh itu, senarai semak ini digunakan sebagai rujukan dan tidak menjelaskan apa-apa senarai semak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia dan tidak bertujuan mengganti penilaian dan diagnosis oleh pengamal perubatan profesional.

2.0 MATLAMAT

Senarai Semak Pengesanan Perkembangan Bayi dan Kanak-kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua ini dibangunkan untuk memberi pendedahan kepada individu yang terlibat secara langsung dalam pendidikan awal kanak-kanak, guru dan ibu bapa atau penjaga tentang keperluan pengesanan awal perkembangan bayi atau kanak-kanak.

Panduan ini diharap dapat membantu semua pihak yang berkepentingan memahami konsep pengesanan perkembangan dan seterusnya melakukan pengesanan seawal mungkin terhadap kanak-kanak dalam lingkungan umur perkembangan yang kritikal, iaitu 1 bulan hingga 6 tahun. Pengesanan awal yang dijalankan dan diikuti intervensi yang tepat pada masanya boleh mengurangkan impak ketidakupayaan dan membolehkan mereka mengikuti pembelajaran dengan berkesan.

3.0 OBJEKTIF PENGESANAN AWAL

Pengesanan awal dilakukan bertujuan untuk:

- i. mengesan tahap perkembangan bayi dan kanak-kanak;
- ii. mengenal pasti tanda-tanda kelewatan dalam domain perkembangan bayi dan kanak-kanak;
- iii. mengenal pasti pencapaian bayi dan kanak-kanak;
- iv. mengenal pasti keperluan rujukan kepada pengamal perubatan;
- v. merancang intervensi yang sesuai;
- vi. menyediakan perkhidmatan sokongan yang sesuai; dan
- vii. merancang pendidikan yang bersesuaian mengikut keperluan kanak-kanak.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran pengguna SSP ialah:

- i. bayi dan kanak-kanak yang berumur 1 hingga 47 bulan (1 bulan hingga 3 tahun 11 bulan); dan
- ii. kanak-kanak prasekolah yang berumur 4 tahun hingga 6 tahun 11 bulan.

5.0 PENTADBIR SSP

SSP merupakan senarai semak berbentuk penilaian yang berdasarkan pemerhatian dan boleh dilaksanakan oleh:

- i. ibu bapa atau penjaga;
- ii. semua guru, pendidik prasekolah, tabika, tadika atau pusat perkembangan kanak-kanak di institusi kerajaan dan swasta; dan
- iii. pengasuh taska atau pusat jagaan kanak-kanak di institusi kerajaan dan swasta.

Pentadbir SSP perlu mengenali bayi dan kanak-kanak yang hendak dinilai sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga bulan.

6.0 LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN SSP

Langkah-langkah pelaksanaan SSP ialah seperti yang berikut:

- i. kenal pasti bayi atau kanak-kanak yang berkemungkinan mempunyai ciri-ciri lewat perkembangan berdasarkan pemerhatian;
- ii. baca dan fahami panduan pentadbiran dalam dokumen Senarai Semak Pengesanan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan Edisi Kedua.

- iii. SSP boleh ditadbir secara:
- pemerhatian tidak formal dengan melihat perlakuan bayi atau kanak-kanak semasa melakukan aktiviti sehari-hari.
 - penilaian formal dengan memberi arahan kepada bayi atau kanak-kanak untuk melakukan sesuatu kemahiran yang jarang dilakukan dalam aktiviti harian.
- iv. SSP perlu diisi atau disiapkan dalam **tempoh masa satu hari** sahaja supaya maklumat yang diperoleh bagi setiap domain tepat dan konsisten dengan perkembangan umur semasa.
- v. pilih senarai semak mengikut umur bayi atau kanak-kanak.
- vi. isi senarai semak dengan lengkap, tanda dengan betul dan ambil tindakan yang sewajarnya seperti dalam jadual yang berikut:


Bilangan Tanda	Tindakan
DUA atau lebih tanda (X) pada tarikh penilaian.	Ibu bapa atau penjaga perlu merujuk segera kepada pegawai atau pengamal perubatan di fasiliti kesihatan atau pegawai bidang khusus di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) yang berdekatan untuk penilaian lanjut.
SATU tanda (X) pada item kemahiran yang mempunyai tanda '*' pada tarikh penilaian.	
SATU tanda (X) atau lebih semasa penilaian semula.	
SATU tanda (X) bagi item yang TIDAK bertanda '*'.	<p>Pentadbir SSP perlu membuat penilaian semula:</p> <ul style="list-style-type: none"> dalam jangka masa dua bulan bermula dari tarikh penilaian pertama bagi bayi yang berumur 23 bulan ke bawah; dan dalam jangka masa tiga bulan bermula dari tarikh penilaian pertama bagi yang berumur dua tahun ke atas.

Jadual 1: Tindakan yang perlu dilakukan berdasarkan penilaian

Pentadbir SSP boleh merujuk kepada contoh-contoh borang yang telah lengkap diisi berserta cadangan tindakan dalam **Lampiran C**. Rujukan kepada pegawai bidang khusus di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) bagi perkhidmatan penilaian, intervensi dan konsultasi boleh dilakukan melalui Sektor Pendidikan Khas di jabatan pendidikan negeri (JPN) yang terdekat. Pegawai bidang khusus di 3PK terdiri daripada ahli profesion sains bersekutu yang berauliah, iaitu:

- Ahli Audiologi;
- Ahli Psikologi Klinikal;
- Ahli Terapi Pertuturan Bahasa;
- Ahli Terapi Cara Kerja;
- Ahli Fisioterapi;
- Psikologis Pendidikan; dan
- Pegawai Intervensi.

7.0 CARTA ALIR PELAKSANAAN SSP



1. Pentadbir SSP melaksanakan SSP kepada bayi atau kanak-kanak yang berkemungkinan mempunyai ciri-ciri lewat perkembangan mengikut umur semasa ***.
- 2a. Sekiranya bayi atau kanak-kanak mendapat hanya satu tanda (X), penilaian semula perlu dibuat selepas:
 - 2 bulan bagi umur 1-23 bulan dan;
 - 3 bulan bagi umur 2 tahun ke atas, dari tarikh penilaian pertama.
- 2b. Sekiranya bayi atau kanak-kanak mendapat dua atau lebih tanda (X) atau satu tanda (X) pada item yang bertanda '*', ibu bapa atau penjaga perlu merujuk kepada pegawai atau pengamal perubatan atau pegawai bidang khusus di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK).

Sekiranya khidmat nasihat diperlukan bagi kes yang dinilai oleh guru yang mana murid mendapat skor seperti di 2(b) dan tidak melepas penilaian 2(a), sila hubungi **Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas, Sektor Pendidikan Khas di JPN yang terdekat**.

*** Guru dan pengasuh taska atau pusat jagaan perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga sebelum menggunakan SSP seperti dalam **Lampiran D**.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**SENARAI SEMAK PENGESETAN PERKEMBANGAN
BAYI DAN KANAK - KANAK
1 BULAN HINGGA 6 TAHUN
BAGI TUJUAN PENDIDIKAN**

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI 1 BULAN

(Untuk kegunaan bayi berumur 1 bulan hingga 2 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____ **Nama ibu bapa/penjaga** : _____
Tarikh lahir : _____ **Nombor telefon** : _____
No. K.P/ Sijil Kelahiran : _____
Alamat: _____
Tempat penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ ITEM	TANDA	CATATAN
Tindak balas refleks			
1	* Bayi menoleh ke arah pipi atau tepi mulutnya apabila disentuh atau diusap (Rooting Reflex).		
2	Bayi mengenggam tangan sendiri (Grasp Reflex).		
3	* Bayi menghisap susu dengan baik (Sucking Reflex).		
Motor Halus			
4	Menggenggam jari ibu bapa atau penjaga apabila jari ibu bapa atau penjaga diletakkan di tapak tangan bayi.		
Penglihatan			
5	* Mengerdipkan mata apabila terdedah dengan cahaya dan apabila tangan ditepuk di hadapan muka.		
Pendengaran			
6	* Terkejut pada bunyi kuat.		
Pertuturan dan Bahasa			
7	* Mengeluarkan bunyi (Cooing). Contoh: bunyi "aah, oo, gah, uu".		
Kelakuan (Personal Sosial)			
8	Senyum secara spontan.		
Kognitif			
9	Memandang muka ibu bapa atau penjaga pada jarak dekat.		
10	Melihat pergerakan objek atau orang pada jarak yang dekat (dengan jarak satu (1) lengan).		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____
Nama : _____
Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI 3 BULAN

(Untuk kegunaan bayi berumur 3 bulan hingga 5 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____	Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____	Nombor telefon : _____
No. K.P/ Sijil Kelahiran : _____	Alamat: _____
Tempat penilaian : _____	_____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	* Menggerakkan seluruh anggota badan.		
2	* Berupaya menegakkan kepala semasa didukung.		
3	Memaut jari-jemari ibu bapa atau penjaga apabila ditarik untuk duduk.		
Motor Halus			
4	Memegang atau menggongang mainan apabila diletak pada tangan dalam tempoh singkat (dalam tempoh lima (5) saat).		
5	Membelek dan bermain jari jemari sendiri.		
Penglihatan			
6	Memberi tumpuan kepada objek yang berada di sekeliling.		
Pendengaran			
7	* Menunjukkan respon dan memalingkan kepala mengikut arah sumber bunyi.		
Pertuturan dan Bahasa			
8	* Menghasilkan bunyi seperti mengekek, mendengus atau menjerit.		
9	Menangis atau merengek apabila tidak selesa, sakit atau lapar dan sebagainya.		
Kelakuan (Personal Sosial)			
10	Senyum atau membalias senyuman kepada ibu bapa atau penjaga.		
Kognitif			
11	Memberi tindak balas apabila ibu bapa atau penjaga menggeletek dan bermain bersamanya.		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____
Nama : _____
Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI 6 BULAN

(Untuk kegunaan bayi berumur 6 bulan hingga 8 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____	Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____	Nombor telefon : _____
No. K.P/ Sijil Kelahiran : _____	Alamat: _____
Tempat penilaian : _____	_____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	* Meniarap dan menelentang.		
2	Duduk dengan sokongan atau bantuan (dipegang oleh orang lain).		
Motor Halus			
3	* Boleh menggenggam objek (contoh: menggenggam permainan bersaiz kecil).		
Penglihatan			
4	Mata mengikut arah objek yang digerakkan (contoh: kiri, kanan, atas dan bawah).		
Pendengaran			
5	* Menunjukkan reaksi kepada arah sumber bunyi daripada orang atau persekitaran (contoh: menoleh, menangis, terkejut atau terdiam).		
Pertuturan dan Bahasa			
6	Menyebut suku kata berulang kali (contoh: pa..pa..pa, ma..ma..ma).		
7	Menghasilkan bunyi seperti ketawa, menjerit, mengekek dan bunyi tidak bermakna apabila diajak bercakap (contoh: aah... oo... mm... daa, menyembur air liur dan sebagainya).		
Kelakuan (Personal Sosial)			
8	Mengangkat tangan minta didukung.		
9	Bерmain sendiri seperti bermain jari jemari tangan dan kaki.		
10	Memberi respons apabila melihat diri melalui cermin (contoh: senyum, ketawa).		
Kognitif			
11	Boleh mencapai objek yang diletakkan di hadapan.		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____
 Nama : _____
 Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI 9 BULAN

(Untuk kegunaan bayi berumur 9 bulan hingga 11 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____

Nama ibu bapa/penjaga : _____

Tarikh lahir : _____

Nombor telefon : _____

No. K.P/ Sijil : _____

Alamat:

Kelahiran

Tempat penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	* Duduk sendiri tanpa sokongan atau bantuan.		
2	Mula cuba untuk merangkak.		
Motor Halus			
3	* Memindahkan objek dari satu tangan ke tangan sendiri yang lain (contoh pindah objek dari tangan kiri ke tangan kanak-kanak dan sebaliknya).		
4	Menyentuh, mencucuk atau mengutip objek kecil dengan menggunakan jari telunjuk dan ibu jari (Pincer Grasp).		
Penglihatan			
5	Memerhati dan mengikut pergerakan objek yang sedang atau telah jatuh.		
Pendengaran			
6	* Mencari sumber bunyi persekitaran.		
Pertuturan dan Bahasa			
7	* Meniru dan membuat bunyi pertuturan yang panjang (contoh: pa-pa-ba-da-ka-ba-ga dan sebagainya).		
8	Memahami perkataan 'tak boleh' dan 'bye'.		
Kelakuan (Personal Sosial)			
9	Pandang apabila orang berinteraksi dengannya.		
10	Menunjukkan reaksi yang berbeza apabila melihat ibu bapa atau penjaga dan orang lain (contoh senyum, berkerut, menyorok wajah, malu dan sebagainya).		
11	Bерmain ci-ku-cak (Peek-A-Boo).		
Kognitif			
12	Manipulasi objek seperti mengetuk objek, menekan butang, menarik kain atau menjatuhkan objek secara sengaja.		
13	Memasukkan objek ke dalam mulut.		
14	Mencuba untuk mencapai objek yang jatuh.		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____

Nama : _____

Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI 12 BULAN

(Untuk kegunaan bayi berumur 12 bulan hingga 17 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____ **Nama ibu bapa/penjaga** : _____
Tarikh lahir : _____ **Nombor telefon** : _____
No. K.P/ Sijil Kelahiran : _____
Tempat penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Berdiri dengan bantuan.		
2	Berjalan sambil memegang sebelah tangan ibu bapa atau memaut pada perabot.		
Motor Halus			
3	Menyelak muka surat pada buku yang tebal.		
4	Menunjuk dengan jari telunjuk pada objek yang diminati.		
5	* Boleh mengutip objek kecil di sekitarnya tanpa meletakkan siku, lengan dan pergelangan tangan pada permukaan.		
Penglihatan			
6	Memasukkan objek ke dalam lubang berdasarkan bentuk objek (contoh: shape shorter, insert puzzle).		
Pendengaran			
7	Terus menoleh apabila nama dipanggil.		
Pertuturan dan Bahasa			
8	Boleh mengikut arahan mudah (contoh: mari sini, jom, bagi ayah, angkat tangan dan sebagainya).		
9	Mula menggunakan sekurang-kurangnya satu perkataan mengikut situasi yang sesuai (perkataan hendaklah bermakna, contoh bola, mama, nak).		
Kelakuan (Personal Sosial)			
10	Melambai dan menepuk tangan.		
11	Menghulurkan tangan apabila hendak dipakaikan baju dan kaki apabila hendak memakai seluar atau kasut.		
Kognitif			
12	Mencari benda tersembunyi di pelbagai lokasi.		
13	Boleh menggunakan objek mengikut kegunaan yang betul (contoh: menggunakan sudu, sikat, cawan, telefon).		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____
Nama : _____
Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 18 BULAN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 18 bulan hingga 23 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____	Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____	Nombor telefon : _____
No. K.P/ Sijil Kelahiran : _____	Alamat: _____
Tempat penilaian : _____	

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	* Berjalan sendiri.		
2	Memanjat tangga, meja, kerusi dan lain-lain.		
Motor Halus			
3	* Menconteng menggunakan krayon, pensel atau pen.		
4	Boleh membuka beberapa helaian muka surat buku.		
5	Membina menara menggunakan tiga blok atau kiub mainan.		
Penglihatan			
6	Memerhati pergerakan orang yang dikenali pada sesuatu jarak.		
7	Boleh menunjuk (dengan jari) pada objek yang diminati di jarak yang jauh.		
8	Suka melihat gambar-gambar dalam buku.		
Pendengaran			
9	Menunjuk kepada objek atau gambar yang disebut oleh orang lain (contoh: ibu sebut kucing, anak tunjuk kucing).		
Pertuturan dan Bahasa			
10	Menggunakan sekurang-kurangnya 6 - 20 perkataan dalam rutin harian (perkataan hendaklah bermakna, contoh susu, air, makan dan tidur).		
11	Menggabungkan dua perkataan dalam satu ayat pendek (contoh: nak susu, kucing tidur, jom main).		
Kelakuan (Personal Sosial)			
12	Memeluk anak patung atau patung haiwan.		
13	Memegang dan minum menggunakan cawan tanpa bantuan.		
14	Meniru aktiviti orang dewasa (contoh: lap meja, sikat rambut, menyapu dan lain-lain).		
Kognitif			
15	* Tidak lagi memasukkan objek ke dalam mulut.		
16	Menjatuhkan atau memasuk semula beberapa alat permainan atau objek ke dalam bekas, kotak, mangkuk dan sebagainya.		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____

Nama : _____

Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 2 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 24 bulan hingga 35 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____ **Nama ibu bapa/penjaga** : _____
Tarikh lahir : _____ **Nombor telefon** : _____
No. K.P/ Sijil : _____ **Alamat:** _____
Kelahiran
Tempat penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	* Berlari 10 kaki ke hadapan.		
2	Menolak dan menarik permainan beroda (contoh: basikal, kereta mainan).		
3	* Cuba menyepak dan menendang bola bersaiz besar dengan perlahan.		
Motor Halus			
4	Membina menara menggunakan tujuh blok atau kiub mainan.		
5	Meniru lukisan garisan menegak (contoh: l).		
6	Boleh memasukkan tali ke dalam lubang manik besar.		
Penglihatan			
7	Menganggar ketinggian atau kedalaman (depth) sesuatu objek (contoh: apabila menurun katil, sofa, tangga atau melangkah lubang atau longkang).		
Pertuturan dan Bahasa			
8	Boleh mengikut arahan mudah (contoh: "Ambil bola di atas meja").		
9	* Menunjuk atau menamakan gambar atau objek apabila ditanya oleh orang lain.		
10	Sering meniru perkataan yang didengari daripada orang lain.		
Kelakuan (Personal Sosial)			
11	Bermain anak patung atau patung haiwan (contoh: memeluk, cium, memberi makanan kepada teddy bear atau anak patung).		
12	Bermain berdekatan dengan orang lain tetapi tidak suka berkongsi permainan.		
Kognitif			
13	Meletak semula barang di tempatnya (contoh: simpan mainan di dalam bekas mainan).		
14	Menggunakan 1 objek sebagai benda lain (contoh: alat kawalan jauh sebagai telefon, blok kayu sebagai kereta).		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____
Nama : _____
Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 3 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 36 bulan hingga 47 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____	Nama ibu bapa/penjaga : _____
Tarikh lahir : _____	Nombor telefon : _____
No. K.P/ Sijil Kelahiran : _____	Alamat: _____
Tempat penilaian : _____	_____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Cekap menggunakan kaki seperti melompat dan memanjat.		
2	Naik tangga berselang kaki tanpa bantuan.		
Motor Halus			
3	Membina menara menggunakan 9 -10 kiub.		
4	Boleh menyalin bentuk bulat.		
5	Boleh menggunting hujung kertas (Snipping).		
Pertuturan dan Bahasa			
6	Mengikut dua peringkat arahan dalam satu masa (contoh: "letak beg atas meja dan susun kasut dalam rak").		
7	Boleh memberitahu nama penuh sendiri.		
8	Membina ayat menggunakan tiga hingga empat perkataan dengan lancar (contoh: saya suka makan roti, ibu tolong buka pintu).		
Kelakuan (Personal Sosial)			
9	Bermain permainan olok-olok (Pretend Play) menggunakan objek bersama-sama kawan (contoh: bermain masak-masak, memandu kereta).		
10	* Boleh menuap makanan ke mulut menggunakan sudu, garfu atau tangan dengan baik (kurang bersepah).		
11	* Boleh memakai dan menanggalkan baju t-shirt dan seluar tanpa bantuan.		
Kognitif			
12	Memadankan dua atau tiga warna asas seperti warna merah, kuning, hijau.		
13	Menyelesaikan masalah mudah seperti mengambil kerusi untuk mencapai objek di tempat tinggi.		
14	Boleh mengecam bentuk asas △ □ ○		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____

Nama : _____

Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 4 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 48 bulan hingga 59 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____

Nama ibu bapa/penjaga : _____

Tarikh lahir : _____

Nombor telefon : _____

No. K.P/ Sijil : _____

Alamat:

Kelahiran : _____

Tempat penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Lompat ke hadapan dengan sebelah kaki.		
2	Berlari laju dan berhenti tanpa jatuh.		
3	Turun tangga berselang kaki tanpa bantuan.		
Motor Halus			
4	Meniru tanda palang (+).		
5	Boleh melukis gambar orang yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga daripada anggota badan seperti kepala, mata, hidung, mulut, leher, badan, rambut atau tangan.		
6	Boleh menggunting kertas menjadi separuh dalam satu garisan lurus.		
Pertuturan dan Bahasa			
7	Menjawab soalan berkaitan aktiviti harian (contoh: Apa awak buat bila lapar? "Saya makan atau makan nasi").		
8	Boleh menerangkan dua perkara tentang sesuatu objek dengan jelas (contoh: Kereta ada empat tayar, kereta laju, kertas warna merah).		
9	Boleh bertanya soalan menggunakan soalan 'apa?', 'kenapa?' Bagaimana? (contoh: "Kenapa awak nangis?").		
Kelakuan (Personal Sosial)			
10	Bерmain dengan melakonkan semula sesuatu watak (contoh: berlakon watak cikgu, doktor atau polis).		
11	Membasuh atau mengeringkan tangan menggunakan kain atau tisu tanpa bantuan.		
12	Boleh memberitahu nama sekurang-kurangnya dua orang kawan tidak termasuk adik-beradik.		
Kognitif			
13	Boleh menggunakan blok atau kiub untuk membina menara atau beberapa jambatan daripada 10 atau lebih blok atau kiub.		
14	Boleh mengira lima objek yang dilihat satu persatu mengikut urutan (contoh: 'ada 1, 2, 3, 4, 5 kereta').		
15	Memahami konsep 'sama' dan 'berbeza' (contoh: 'itik' dan 'matahari' kuning, "ini baju, bukan seluar").		

Tandatangan penilai : _____

Nama : _____

Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 5 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 60 bulan hingga 71 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama	:	Nama ibu bapa/penjaga	:
Tarikh lahir	:	Nombor telefon	:
No. K.P/ Sijil Kelahiran	:	Alamat:	
Tempat penilaian	:		

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Boleh berdiri dengan satu kaki selama 8 - 10 saat.		
2	* Berskip (Skipping) menggunakan dua (2) kaki atau secara berselang seli.		
3	Membaling dan menangkap bola menggunakan kedua-dua tangan.		
Motor Halus			
4	Boleh menggunting bentuk bulat atau segi empat tepat (petak).		
5	Boleh membutang baju, membuka atau menutup zip pakaian sendiri.		
6	Boleh melukis orang dengan sempurna (contoh: lukis orang yang mempunyai kepala, badan, tangan dan kaki).		
Pertuturan dan Bahasa			
7	Boleh memahami dan menggunakan konsep perbandingan (contoh: "kereta besar, tapi bas lagi besar", "daun ringan, batu berat").		
8	Boleh mengulang ayat yang didengari (sekurang-kurangnya lima patah perkataan dan ke atas).		
9	Boleh bertutur menggunakan empat hingga lima perkataan dalam satu ayat dengan tatabahasa dan bunyi sebutan yang betul (contoh: "Saya ternampak kereta berwarna kuning").		
Kelakuan (Personal Sosial)			
10	Boleh mengambil giliran dan berkongsi barang dengan kanak-kanak lain.		
11	Mempamerkan sikap mengambil berat terhadap orang lain atau adik beradik yang lebih muda.		
12	Boleh menggunakan tandas tanpa bantuan.		
Kognitif			
13	Boleh mengira satu hingga 15 mengikut turutan dengan betul.		
14	Boleh menyebut sekurang-kurangnya empat huruf pada nama sendiri apabila ditunjuk.		
15	Memahami konsep seperti masa (contoh: semalam, esok, sekarang dan lain-lain).		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____
 Nama : _____
 Tarikh penilaian : _____

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 6 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 72 bulan hingga 83 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : _____

Nama ibu bapa/penjaga : _____

Tarikh lahir : _____

Nombor telefon : _____

No. K.P/ Sijil : _____

Alamat: _____

Kelahiran : _____

Tempat penilaian : _____

Arahan: Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau
(X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Boleh mengayuh dan menaiki basikal (dua roda).		
2	Boleh menangkap bola bersaiz lebih kecil (contoh: bola tenis, bola ping pong).		
Motor Halus			
3	Boleh mewarna bentuk-bentuk mudah dengan kemas (tidak terkeluar dari garisan).		
4	Boleh melukis bentuk asas tanpa melihat pada gambar bentuk.		
5	Membuat ikatan menggunakan tali.		
Pertuturan dan Bahasa			
6	Boleh menceritakan semula cerita yang ditonton, didengari atau dibaca oleh orang lain (contoh: Watak dan jalan cerita yang ditonton).		
7	* Bercakap menggunakan bunyi sebutan yang jelas dan lancar (percakapan difahami oleh orang yang tidak dikenali).		
8	Memahami dan suka kepada lawak jenaka dan teka-teki.		
Kelakuan (Personal Sosial)			
9	* Cuba untuk berkawan dengan kanak-kanak sebaya (contoh: Ajak kawan bermain "Jom main sama-sama").		
10	Menggunakan perkataan untuk meluahkan perasaan sendiri (contoh: Saya tak suka, saya takut lipas).		
11	Memakai kasut pada kaki yang betul.		
Kognitif			
12	Boleh menulis nombor, huruf besar atau kecil.		
13	Membaca beberapa perkataan yang biasa dilihat (contoh: buku, bola, susu, ibu dan sebagainya).		
14	Menulis nama sendiri tanpa bantuan (contoh: Tulis nama pendek).		

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : _____

Nama : _____

Tarikh penilaian : _____

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

TANDA KELEWATAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

DOMAIN	12 bulan	18 bulan	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun
Motor kasar 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pergerakan sendiri (merangkak, menggesot). • Tidak cuba untuk berdiri sendiri dengan memegang objek untuk sokongan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak berdiri sendiri. • Tidak cuba untuk berjalan tanpa sokongan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak boleh berjalan sendiri. • Tidak boleh naik dan turun tangga dengan sokongan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak boleh naik dan turun tangga sendiri. • Tidak boleh berlari atau melompat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak boleh berjalan, berlari, melompat dan naik/turun tangga dengan yakin. • Tidak boleh menangkap, membaling atau menendang bola. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak boleh berjalan, berlari, melompat dan naik/turun tangga dengan yakin. • Tidak boleh melompat sebelah kaki sebanyak lima kali. • Tidak boleh berdiri dengan sebelah kaki selama lima saat.
Kognitif, motor halus dan penjagaan diri 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak menuap makanan sendiri atau memegang botol atau cawan. • Tidak boleh mengutip objek kecil menggunakan ibu jari dan jari telunjuk. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak boleh menconteng. • Tidak cuba menyusun blok selepas demonstrasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak cuba untuk makan sendiri menggunakan sudu. • Tidak cuba untuk memakai pakaian. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak cuba untuk melaksanakan penjagaan diri. • Sukar memanipulasi objek kecil (masukkan tali dalam manik). 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak terlatih ke tandas pada waktu siang. • Tidak boleh melukis garisan dan bulatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tanda tiada kesediaan ke sekolah. • Tidak boleh melaksanakan rutin harian seperti makan dan memakai pakaian dengan sendiri. • Tidak boleh melukis gambar mudah (orang lidi).
Komunikasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mengeluarkan bunyi seperti perkataan. • Tidak memberi respons kepada perkataan yang biasa didengari. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perkataan jelas. • Tidak memahami arahan permintaan mudah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mempelajari perkataan baharu. • Tidak mencantum perkataan menjadi ayat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertuturan sukar difahami oleh orang yang rapat. • Tidak menggunakan ayat mudah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertuturan sukar difahami. • Tidak boleh mengikut arahan yang mempunyai dua (2) langkah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sukar untuk bercerita. • Tidak boleh menjawab soalan dalam perbualan mudah.
Sosial dan emosi 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak perasan kehadiran orang lain. • Tidak bermain permainan mengambil giliran (aum-cak, menggolek bola). 	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang berminat untuk bermain dan berinteraksi dengan orang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak bermain permainan mengikut fungsi yang betul (baling, ketuk permainan). 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak berminat untuk bermain olok-olok atau berinteraksi dengan kanak-kanak lain. • Sukar untuk menyedari dan memahami perasaan sendiri dan orang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak boleh atau tidak mahu bermain secara koperatif (bersama-sama). 	<ul style="list-style-type: none"> • Bermain dengan cara yang berlainan berbanding rakan sebaya.

CADANGAN AKTIVITI RANGSANGAN

Contoh Aktiviti Rangsangan 1 Hingga 6 Bulan

“Ding” “Ding” Bunyi Loceng

Ibu bapa atau penjaga membunyikan loceng bayi atau *rattle* sambil melihat respons bayi. Ibu bapa atau penjaga berkomunikasi bersama-sama bayi sepanjang aktiviti ini dilaksanakan. Ibu bapa atau penjaga meletakkan loceng bayi atau *rattle* di tangan bayi untuk menggalakkan bayi memegang atau menggenggam loceng bayi atau *rattle*.

Respons bayi yang boleh diperhatikan:

- menoleh ke arah bunyi.
- melihat loceng atau *rattle*.
- senyum dan melihat mata ibu bapa atau penjaga.
- memegang atau menggenggam loceng bayi atau *rattle*.
- memasukkan loceng bayi atau *rattle* ke dalam mulut.



Sensory Tummy Time

Ibu bapa atau penjaga menyediakan bahan-bahan sensori dalam beg plastik *zip lock* seperti memasukkan pom-pom, butang, *water beads*, gel, *sticker* dan sebagainya. Ibu bapa atau penjaga berkomunikasi bersama-sama bayi sepanjang aktiviti ini dilaksanakan. Bayi meniarap dan digalakkan untuk memegang serta menerokai deria sentuhan ketika memegang beg sensori tersebut.

Respons bayi yang boleh diperhatikan:

- cubaan mengawal otot kepala dan leher (head-neck).
- mencapai beg sensori.
- menerokai dengan memegang, menggenggam atau meramas beg sensori.

Aktiviti Nyanyian dan Berkongsi Buku

Ibu bapa atau penjaga melaksanakan aktiviti nyanyian bersama-sama bayi.

Ibu bapa atau penjaga bercerita menggunakan buku cerita yang bersesuaian dengan tahap bayi. Ciri-ciri buku yang bersesuaian mempunyai ilustrasi yang realistik atau gambar sebenar, berwarna atau bersaiz besar, tebal dan tahan lasak atau diperbuat dari tekstur kain atau fabrik.

Respons bayi yang boleh diperhatikan:

- senyum dan melihat mata ibu bapa atau penjaga.
- melihat pada gambar di buku yang diceritakan.
- menggenggam buku menggunakan kedua-dua tangan.
- mengeluarkan bunyi ketika berinteraksi bersama ibu bapa atau penjaga.



Contoh Aktiviti Rangsangan 6 Hingga 12 Bulan

Jom Cari!



Ibu bapa atau penjaga memilih beberapa objek harian seperti kereta mainan, mainan haiwan, sikat, bola kecil, blok dan sebagainya. Ibu bapa atau penjaga menggunakan kain bersaiz besar seperti kain lampin atau kain tuala. Ibu bapa menyorokkan satu objek atau item harian di bawah kain. Kanak-kanak perlu menarik atau mencari objek di bawah kain yang disorok. Aktiviti diulang menggunakan objek yang lain.

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- mencari objek yang disorok.
- menarik kain.
- senyum dan melihat mata dan muka ibu bapa atau penjaga.
- membuat reaksi muka apabila mencari atau menjumpai objek yang disorok.
- mengeluarkan bunyi pertuturan ketika bermain.

Jom Ambil

Ibu bapa boleh menggunakan yang boleh bergerak seperti bola, *wind-up toy*, belon dan sebagainya. Ibu bapa meletakkan objek tersebut di hadapan mereka mengikut jarak yang bersesuaian. Kanak-kanak digalakkan untuk bergerak seperti menggesot atau merangkak untuk mengejar dan mencapai objek di hadapan mereka.



Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- cubaan mencari dan mencapai objek di hadapannya.
- cubaan mengejar atau bergerak untuk mendapatkan objek.
- menggenggam dan menerokai objek yang dicapai menggunakan kedua-dua tangan.
- mengalihkan objek dari satu tangan ke tangan lain.
- membaling objek atau cubaan memasukkan objek ke dalam mulut.



Simpan Objek dalam Bekas

Ibu bapa dan penjaga boleh menggunakan bekas kosong atau membuat lubang mengikut bentuk objek pada penutup bekas seperti permainan suai-bentuk (*shape sorter*). Kanak-kanak digalakkan untuk memasukkan objek seperti blok, bola ping-pong dan sebagainya ke dalam bekas yang bersesuaian.



Genggaman Pincer



Genggaman Palmar

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- mengutip, mengambil dan memegang objek menggunakan pegangan *palmar* atau *pincer*.
- cubaan untuk memasukkan objek ke dalam bekas.
- cubaan mengeluarkan semula objek dari bekas.
- mencari dan melihat mata ibu bapa atau penjaga.
- menggoncangkan bekas yang mempunyai objek yang telah diisi.

Contoh Aktiviti Rangsangan 1 Hingga 2 Tahun

Menguntai Manik

Pada umur 12 bulan, kanak-kanak sudah menguasai *pincer grasp*, iaitu gengaman menggunakan ibu jari dan jari telunjuk. Ibu bapa atau penjaga boleh menggalakkan kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran motor halus menggunakan jari-jemari ini dengan manik bersaiz besar dan tali atau kayu. Ibu bapa atau penjaga boleh mempelbagaikan aktiviti ini dengan menggunakan penyedut minuman, pasta dan bijirin berbentuk bulat.

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- gengaman *pincer grasp* yang digunakan oleh kanak-kanak untuk mengambil manik.
- cubaan memasukkan manik ke dalam benang.
- pilihan tangan kiri atau kanan yang digunakan kanak-kanak untuk memasukkan manik dan memegang benang.



“Let’s be creative!”

Sediakan krayon bersaiz besar dan kertas kepada kanak-kanak. Berikan peluang kepada mereka untuk berkarya dan melukis di atas kertas. Beri galakan kanak-kanak untuk meneroka cara memegang krayon mengikut keselesaan mereka. Ibu bapa juga boleh menampal karya yang dihasilkan oleh kanak-kanak di dinding.

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- gengaman *palmar grasp* ketika memegang krayon.
- cubaan kanak-kanak menstabilkan posisi kertas dengan sebelah tangan.
- lukisan kanak-kanak boleh menggambarkan ekspresi diri mereka.
- kanak-kanak belajar mengenai warna dan bentuk.



Menyusun Cawan - Stacking Cup

Letakkan set *stacking cup* di hadapan kanak-kanak. Beri galakan kepada mereka untuk bermain dengan cawan secara bebas dan perhatikan cara mereka meneroka cawan tersebut. Beri galakan kepada kanak-kanak untuk menyusun cawan secara menegak tanpa perlu mengikut susunan saiz. Ibu bapa boleh bercerita kepada kanak-kanak mengenai warna, saiz dan bentuk cawan.

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- cubaan kanak-kanak untuk meniru perbuatan menyusun cawan.
- cubaan kanak-kanak untuk mengelas cawan yang mempunyai warna yang sama.
- cubaan kanak-kanak untuk membezakan cawan yang besar dan kecil.



Contoh Aktiviti Rangsangan 2 Hingga 4 Tahun

“Messy Play”

Ibu bapa atau penjaga boleh menyediakan bekas besar atau dulang. Ibu bapa mengisi bahan-bahan seperti bermain dengan pasir, buih, krim atau kekacang. Ibu bapa boleh meletakkan objek harian atau mainan seperti kenderaan, haiwan, sudu, cawan dan sebagainya. Kanak-kanak boleh mencari objek dalam bekas yang diisi bahan dan menamakan objek yang dijumpai.

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- menggaul bahan-bahan dalam bekas menggunakan kedua-dua tangan.
- membuat bunyi, menamakan objek dalam bekas dan berkomunikasi bersama-sama ibu bapa atau penjaga.
- bermain dan menggunakan objek yang diisi dengan betul seperti menggerakkan kereta dan mengacau cawan menggunakan sudu.



Lompat dan Ambil Belon

Ibu bapa atau penjaga melekatkan belon yang telah ditup (bersaiz sederhana) pada dinding mengikut ketinggian yang berbeza-beza. Anak dikehendaki untuk melompat dan mengambil belon yang dilekat pada dinding.

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- melompat dan mencapai belon di dinding.
- berkomunikasi dan melihat ibu bapa atau penjaga.
- seronok dan memberikan tumpuan melengkapkan aktiviti.



Mengasingkan Objek

Ibu bapa atau penjaga mengumpul objek daripada kategori yang berbeza seperti objek kenderaan, makanan, pakaian dan sebagainya. Kanak-kanak dikehendaki untuk mengasingkan objek mengikut kategori. Kanak-kanak boleh mengasingkan objek dengan meletakkan objek ke dalam bakul atau bekas kategori yang disediakan.

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- mengambil dan meletakkan objek ke dalam bekas atau bakul kategori yang disediakan.
- menamakan objek dan kategori.
- komunikasi kanak-kanak dengan ibu bapa atau rakan-rakan.



Contoh Aktiviti Rangsangan 4 Hingga 6 Tahun

Bermain Doh

Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), ibu bapa atau guru boleh melaksanakan aktiviti bermain doh bagi komponen pembelajaran seperti yang berikut:

Tunjang Komunikasi

- i) Bahasa Melayu: 1.5 - Bertutur untuk menyampaikan idea.
- ii) Bahasa Inggeris: 1.3 - *Listen, respond and understand in a variety of context.*



Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika (FK)

- i) FK 1.1 - Meneroka pelbagai aktiviti yang melibatkan motor halus.

Tunjang Sains dan Teknologi (SA)

- i) SA 2.2 - Mengelaskan objek.

Beri galakan kepada kanak-kanak untuk membuat pelbagai bentuk dan binaan menggunakan doh. Kanak-kanak juga boleh mencuba bermain doh dengan mencampurkan bahan-bahan lain seperti guli, butang dan sebagainya. Beri galakan kanak-kanak untuk bercerita mengenai binaan doh yang dibuat.

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- Cubaan kanak-kanak untuk menjadi kreatif dan menghasilkan hasil kreatif sendiri.
- Cubaan kanak-kanak untuk memahami bentuk dan ruang serta sebab dan akibat.
- Peningkatan keyakinan diri ketika melakukan aktiviti.

Mari Menyusun Puzzle

Berdasarkan KSPK, ibu bapa dan guru boleh melaksanakan aktiviti bermain dan menyusun *puzzle* bagi mencapai objektif dalam komponen seperti yang berikut:

Tunjang Sains dan Teknologi:

- i) SA 3.2 - Memperoleh pengetahuan asas tentang bahagian badan dan deria manusia (Contoh: Jika menggunakan *puzzle* untuk mempelajari bahagian badan atau lengkapkan bahagian badan).
- ii) SA 2.2 - Mengelaskan objek.



Tunjang Komunikasi

- i) Bahasa Melayu: 1.4 - Berinteraksi menggunakan ayat mudah.

Ibu bapa atau penjaga boleh bermain dan meminta kanak-kanak untuk menyiapkan lapan hingga 20 kepingan *puzzle*. Minta kanak-kanak untuk mengingati kepingan *puzzle* yang perlu diletakkan di tempatnya.

Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- Cubaan untuk memberi tumpuan dan menyelesaikan masalah.
- Cubaan meminta pertolongan sekiranya menghadapi kesukaran.
- Cubaan untuk memanipulasi *puzzle* dan meletakkannya di tempat yang betul mengikut bentuk dan rupa *puzzle*.

Jom Bermain Bola

Berdasarkan KSPK, ibu bapa dan guru boleh melaksanakan aktiviti bermain bola bagi mencapai objektif dalam komponen seperti yang berikut:

Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika

- i) FK 3.1 - Melakukan pelbagai kemahiran manipulasi.

Tunjang Komunikasi

- i) BM 1.5 - Bertutur untuk menyampaikan idea.

Ibu bapa boleh menggalakkan kanak-kanak untuk menyepak, membaling, menangkap dan melantun bola. Ibu bapa boleh meletakkan bakul di hadapan kanak-kanak dan minta mereka membaling bola ke dalam bakul. Ibu bapa juga boleh melakukan aktiviti membaling dan menangkap bola bersama-sama kanak-kanak sambil menyebut perkataan bagi aktiviti yang sedang dilaksanakan.



Respons kanak-kanak yang boleh diperhatikan:

- Cubaan menggunakan kedua-dua belah tangan untuk membaling dan menangkap bola.
- Cubaan untuk menendang bola ke sasaran.
- Berkommunikasi dan menggunakan ayat yang panjang dan kompleks untuk bercerita dan bercakap bersama-sama ibu bapa atau penjaga.

LAMPIRAN C**CONTOH PENGISIAN BORANG DAN CADANGAN TINDAKAN****Kes 1**

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 5 TAHUN (Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 60 bulan hingga 71 bulan bagi tujuan pendidikan)			
Nama	: Ali bin Daud	Nama ibu bapa/penjaga	: Norzah binti Abu
Tarikh lahir	: 20.2.2016	Nombor telefon	: 012-345 678
No. K.P/ Surat beranak	: 160220105051	Alamat: _____ _____	
Tempat penilaian	: Prasekolah Selagor		
Arahan : Tandakan	(/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai		
BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Boleh berdiri dengan satu (1) kaki selama 8 – 10 saat	/	
2	*Berskip (skipping) menggunakan dua (2) kaki atau secara berselang seli.	/	
3	Membaling dan menangkap bola menggunakan kedua-dua tangan.	/	
Motor Halus			
4	Boleh menggunting bentuk bulat atau segi empat tepat (petak).	/	
5	Boleh membutang baju, membuka atau menutup zip pakaian sendiri.	/	
6	Boleh melukis orang dengan sempurna (contoh: lukis orang yang mempunyai kepala, badan, tangan dan kaki).	/	
Pertuturan dan Bahasa/			
7	Boleh memahami dan menggunakan konsep perban/dingin (contoh: "kereta besar, tapi bas lagi besar", "daun ringa/n, batu berat").	/	
8	Boleh mengulang ayat yang didengari (sekurang-kurangnya lima (5) patah perkataan dan ke atas).	/	
9	Boleh bertutur menggunakan 4 hingga 5 perkataan dalam satu ayat dengan tatabahasa dan bunyi sebutan yang betul (contoh: "Saya temampak kereta berwarna kuning").	/	
Kelakuan (Personal Sosial)			
10	Boleh mengambil giliran dan berkongsi barang dengan kanak-kanak lain.	/	
11	Mempamerkan sikap mengambil berat terhadap orang lain atau adik beradik yang lebih muda.	/	
12	Boleh menggunakan tandas tanpa bantuan.	/	
Kognitif			
13	Boleh mengira 1 hingga 15 mengikut turutan dengan betul.	/	
14	Boleh menyebut sekurang-kurangnya empat (4) huruf pada nama sendiri apabila ditunjuk.	/	
15	Memahami konsep seperti masa (Contoh: semalam, esok, sekarang dan lain-lain).	/	
<small>* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut</small> Tandatangan penilai : <i>Norzah</i> Nama : Norzah binti Abu Tarikh penilaian : 14.04.2021			

Cadangan dan Tindakan: Ali telah mencapai kesemua tahap perkembangan dengan baik mengikut umur sebenarnya. Ali tidak menunjukkan tanda-tanda kelewatan perkembangan dan tidak memerlukan rujukan lanjut. Teruskan melakukan aktiviti mengikut tahap perkembangan umurnya.

LAMPIRAN C

Kes 2

SENARAI SEMAK PENGESETAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 3 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 36 bulan hingga 47 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : Mohd Adrian bin Che Mat	Nama ibu bapa/penjaga : Fatehah binti Shukri
Tarikh lahir : 26062017	Nombor telefon : 012-876543
No. K.P/ Surat beranak	Alamat:
No. K.P/ Surat Tempat penilaian : Taska Cahaya	

Arahan : Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai

BIL.	DOMAIN/ ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Cekap menggunakan kaki seperti melompat dan memanjang.	/	
2	Naik tangga berselang kaki tanpa bantuan.	/	
Motor Halus			
3	Membina menara menggunakan 9 – 10 kiub.	/	
4	Boleh menyalin bentuk bulat.	/	
5	Boleh menggunting hujung kertas (snipping).	/	
Pertuturan dan Bahasa			
6	Mengikut dua (2) peringkat arahan dalam satu masa (contoh: "letak bag atas meja dan susun kasut dalam rak").	X	
7	Boleh memberitahu nama penuh sendiri.	/	
8	Membina ayat menggunakan 3 hingga 4 perkataan dengan lancar. (Contoh: saya suka makan roti, ibu tolong buka pintu).	/	
Kelakuan (Personal Sosial)			
9	Bermain permainan olok-olok (pretend play) menggunakan objek bersama-sama kawan (Contoh: bermain masak-masak, memandu kereta).	/	
10	* Boleh menuap makanan ke mulut menggunakan sudu, garfu atau tangan dengan baik (kurang bersepah).	/	
11	* Boleh memakai dan menanggalkan baju t-shirt dan seluar tanpa bantuan.	/	
Kognitif			
12	Memadankan 2 atau 3 warna asas seperti warna merah, kuning, hijau.	/	
13	Menyelesaikan masalah mudah seperti mengambil kerusi untuk mencapai objek di tempat tinggi.	/	
14	Boleh mengecam bentuk asas △ □ ○	/	

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : *Fatehah*

Nama : Fatehah binti Shukri
Tarikh penilaian : 09.09.2020

Cadangan dan Tindakan: Adrian mempunyai satu tanda (X) bagi item yang tidak bertanda ' * '. Pentadbir SSP perlu membuat penilaian semula, iaitu dalam jangka masa tiga bulan bermula dari tarikh penilaian pertama bagi kanak-kanak yang berumur dua tahun ke atas. Ibu bapa, pendidik atau pengasuh boleh melaksanakan aktiviti rangsangan bagi meningkatkan tumpuan mendengar Adrian agar boleh mengikuti dua peringkat arahan dalam satu masa.

LAMPIRAN C

Kes 3

SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK 6 TAHUN

(Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 72 bulan hingga 83 bulan bagi tujuan pendidikan)

Nama : Atika binti Rumi	Nama ibu bapa/penjaga : Ahmad Rumi bin Azman
Tarikh lahir : 31.05.2014	Nombor telefon : 012-345 678
No. K.P/ Surat beranak : 140531115002	Alamat:
Tempat penilaian : Tadika Aman	
Arahan : Tandakan (/) untuk kemahiran yang tercapai, atau (X) untuk kemahiran yang tidak tercapai	

BIL.	DOMAIN/ITEM	TANDA	CATATAN
Motor Kasar			
1	Boleh mengayuh dan menaiki basikal (dua roda).	/	
2	Boleh menangkap bola bersaiz lebih kecil (contoh: bola tenis, bola ping pong).	/	
Motor Halus			
3	Boleh mewarna bentuk-bentuk mudah dengan kemas (tidak terkeluar dari garisan).	x	
4	Boleh melukis bentuk asas tanpa melihat pada gambar bentuk.	x	
5	Membuat ikatan menggunakan tali.	x	
Pertuturan dan Bahasa			
6	Boleh menceritakan semula cerita yang ditonton, didengari atau dibaca oleh orang lain (contoh: Watak dan jalan cerita yang ditonton).	x	
7	* Bercakap menggunakan bunyi sebutan yang jelas dan lancar (percakapan difahami oleh orang yang tidak dikenali).	x	
8	Memahami dan suka kepada lawak jenaka dan teka-teki.	x	
Kelakuan (Personal Sosial)			
9	* Cuba untuk berkawan dengan kanak-kanak sebaya (contoh: Ajak kawan bermain "Jom main sama-sama").	x	
10	Menggunakan perkataan untuk meluahkan perasaan sendiri (contoh: Saya tak suka, saya takut lipas).	x	
11	Memakai kasut pada kaki yang betul.	/	
Kognitif			
12	Boleh menulis nombor, huruf besar atau kecil.	x	
13	Membaca beberapa perkataan yang biasa dilihat (contoh: buku, bola, susu, ibu dan sebagainya).	x	
14	Menulis nama sendiri tanpa bantuan (contoh: Tulis nama pendek).	x	

* item perkembangan yang penting bagi umur tersebut

Tandatangan penilai : 

Nama : Ahmad Rumi bin Azman

Tarikh penilaian : 27.07.2020

Cadangan dan Tindakan: Atika mempunyai dua tanda (X) pada item bertanda '*' serta mempunyai lebih daripada dua (X) bagi item tidak bertanda '*'. Atika menunjukkan tanda-tanda kelewatan tahap perkembangan yang ketara. Ibu bapa atau penjaga **perlu merujuk segera** kepada pegawai atau pengamal perubatan di fasiliti kesihatan, atau pegawai bidang khusus di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) yang berdekatan untuk penilaian lanjut.

LAMPIRAN D

CONTOH BORANG PERSETUJUAN IBU BAPA ATAU PENJAGA

LOGO DAN ALAMAT SEKOLAH/ PUSAT/ TADIKA/ TABIKA

Nama ibu bapa/penjaga
Alamat

No. Rujukan:
Tarikh : _____

Tuan/ Puan,

KEBENARAN PELAKSANAAN SENARAI SEMAK PENGESANAN PERKEMBANGAN BAYI DAN KANAK-KANAK 1 BULAN HINGGA 6 TAHUN BAGI TUJUAN PENDIDIKAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak (sekolah/ pusat/ tadika/ tabika) akan melaksanakan Senarai Semak Pengesanan Perkembangan Bayi dan Kanak-Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan kepada (nama murid/ kanak-kanak) dari kelas _____. Pengesanan ini akan dilaksanakan bermula _____ sehingga selesai.

3. Sehubungan dengan itu, pihak (sekolah/ pusat/ tadika/ tabika) memohon kebenaran tuan/ puan untuk melaksanakan pengesanan tersebut bagi membantu meningkatkan potensi dan kemajuan anak/ anak jagaan tuan/ puan.

Sekian, terima kasih.

(_____)

s.k : 1. Fail murid/ kanak-kanak
2. Fail sekolah/ pusat/ tadika/ tabika

-----POTONG DI SINI-----

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Saya (nama ibu bapa/ penjaga) ibu bapa/ penjaga kepada (nama murid/ kanak- kanak) di kelas _____ mengambil maklum bahawa anak/ anak jagaan saya akan terlibat dalam pengesanan perkembangan tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, ***SAYA BERSETUJU/ TIDAK BERSETUJU** untuk anak/ anak jagaan saya terlibat dalam pengesanan oleh pihak berkaitan.

Sekian, terima kasih.

SENARAI PUSAT PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KHAS (3PK)

3PK Perlis

d/a SK Pendidikan Khas Perlis
Jalan Padang Behor
01000 Kangar
Perlis

3PK Pulau Pinang

d/a SK Pendidikan Khas Alma
Jalan Bukit Minyak
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang

3PK Putrajaya

Aras 1, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604, Presint 1
Putrajaya

3PK Melaka

d/a SK Pendidikan Khas Melaka
KM 4, Jalan Semabok
75050 Melaka

3PK Pahang

d/a SK Pendidikan Khas Kuantan
Indera Mahkota 2
25200 Kuantan
Pahang

3PK Kelantan

d/a SK Pendidikan Khas Kelantan
Lati
17000 Pasir Mas
Kelantan

3PK Sabah

d/a SK Pendidikan Khas Tuaran
Peti Surat 50553
89200 TuaranSabah

3PK Kedah

d/a SK Pendidikan Khas Sungai Petani
08400 Merbok
Kedah

3PK Perak

d/a SK Pendidikan Khas Ipoh
Jalan Kuala Kangsar, Anjung Tawas
31200 Chemor
Perak

3PK Selangor

d/a SK Pendidikan Khas Selangor
Jalan Pinang Raja 18/2, Seksyen 18
40200 Shah Alam
Selangor

3PK Johor

d/a SK Pendidikan Khas Johor Bahru
JKR 5739, Jalan Pahlawan 17
Taman Ungku Aminah
81300 Skudai
Johor Bahru

3PK Terengganu

d/a SK Pendidikan Khas Kuala
Terengganu
21080 Chendering
Terengganu

3PK Sarawak

d/a SK Pendidikan Khas Kuching
Jalan Kolej, Batu Lintang
93200 Kuching
Sarawak

GLOSARI

Ahli Audiologi	Ahli profesional yang bertanggungjawab dalam melaksanakan saringan, penilaian dan menjalankan intervensi atau habilitasi kepada klien yang mempunyai masalah pendengaran.
Ahli Fisioterapi	Ahli profesional yang bertanggungjawab melaksanakan saringan atau penilaian perkembangan dan kemahiran fizikal, rehabilitasi ketidakupayaan fungsi fizikal, modifikasi alat senaman, preskripsi alat bantuan mobiliti dan alat sokongan sekolah, menyediakan program senaman di rumah serta kesedaran berkaitan kecerdasan.
Ahli Psikologi Klinikal	Ahli profesional yang bertanggungjawab dalam melaksanakan saringan, penilaian, intervensi dan konsultasi berkaitan pengurusan kesihatan mental dan tingkah laku secara berterusan dan menyeluruh bagi individu dan komuniti.
Ahli Psikologi Pendidikan	Ahli psikologi pendidikan berfokus kepada penilaian berkaitan teknik pengajaran dan pembelajaran cadangan intervensi atau akomodasi yang bersesuaian bagi membantu dan meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran murid.
Ahli Terapi Cara Kerja	Ahli profesional yang menggunakan aktiviti bermakna (pekerjaan) untuk membantu klien melibatkan diri dalam aktiviti harian. Ahli terapi cara kerja memberi penekanan kepada aspek fizikal, kognitif, psikososial dan sensori bagi meningkatkan keupayaan dan kefungsian klien dalam aktiviti harian.
Ahli Terapi Pertuturan-Bahasa	Ahli profesional yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penilaian, mengenal pasti diagnosis dan menjalankan intervensi atau habilitasi kepada klien yang mempunyai kecelaruan pertuturan, bahasa,

	komunikasi, sosial, kelancaran bahasa, suara, fungsi kognitif dan literasi.
Bunyi persekitaran	Penghasilan bunyi daripada sekeliling seperti bunyi manusia, mesin, haiwan dan sebagainya.
Habilitasi	Proses intervensi untuk memulihkan seseorang ke tahap kesihatan atau mengurangkan ketidakupayaan seseorang individu.
Intervensi	Intervensi adalah kombinasi pendekatan atau strategi yang digunakan untuk meningkatkan atau mengubah sesuatu keadaan kepada yang lebih baik (seperti status kesihatan, tingkah laku, kefungsian atau tahap perkembangan).
Konsultasi	Perbincangan untuk memberi dan mendapatkan nasihat, cadangan bagi membantu menyelesaikan masalah.
Koordinasi badan	Keupayaan untuk menggunakan tubuh badan bagi menghasilkan tindakan atau pergerakan yang berkesan.
Mengatur diri (Self-Organisation)	Proses yang melibatkan kemahiran penyusunan maklumat atau perkara berdasarkan matlamat dengan menggunakan sumber sedia ada.
Mengawal diri (Self Regulation)	Kebolehan untuk menguruskan emosi dan tingkah laku mengikut situasi.
Pegawai Intervensi	Pegawai perkhidmatan pendidikan yang terlatih dalam bidang pengkhususan tertentu dan mempunyai kemahiran mengenal pasti kesukaran dalam keupayaan pembelajaran serta memberi intervensi pendidikan berkaitan kemahiran membaca, menulis, mengira (3M), modifikasi bahan bantu belajar atau alat bantu belajar.
Pengamatan	Penelitian, pemerhatian secara teliti.
Penilaian tahap perkembangan	Proses pengumpulan maklumat untuk menentukan tahap perkembangan semasa melalui kaedah pemerhatian, penggunaan senarai semak yang

	standard.
Persepsi	Gambaran, pandangan atau fikiran tentang sesuatu.
Postur statik	Posisi badan dalam keadaan tidak bergerak terutamanya semasa duduk atau berdiri.
Psikososial	Sesuatu perkara yang melibatkan faktor psikologi dan sosial.
Sistem saraf	Sistem yang berperanan untuk mengawal pergerakan dan fungsi badan.
Tindak balas refleks	Pergerakan atau tindakan yang berlaku secara spontan, automatik atau semula jadi akibat rangsangan daripada persekitaran.

RUJUKAN

- Annamalay, S.D. (2000). *Maximise Your Child's Emotional Intelligence: A 12- day step-by-step guide*. Singapore: Times Book International.
- Bellman, M., Lingnam, S., & Aukett, A. (1996). *Schedule of Growing Skills (2nd Ed.)*. London, UK: GL Assessment Limited.
- Brigance, A.H. (2004). *Brigance Diagnostic Inventory of Early Development (2nd Ed.)*. North Billerica, MA: Curriculum Associates Inc.
- Brown, L., Sherbenou, R.J., & Johnsen, S.K. (2010). *Test of Nonverbal Intelligence (4th Ed.)*. Austin, TX: Pro- Ed.
- Douglas, J. (2002). *Toddler Troubles Coping with Your Under- 5s*. England: Wiley & Sons Ltd.
- Fewell, R.R., & Folio, M.R. (2000). *Peabody Developmental Motor Scales (2nd Ed.)*. Austin, TX: Pro- Ed.
- Finne, N.R. (1997). *Handling the Young Child with Cerebral Palsy at Home (3rd Ed.)*. Oxford: Butterworth- Heinemann.
- Henderson, S.E., & Sugden, D.A. (2007). *Movement Assessment Battery for Children (2nd Ed.)*. London: Psychological Corporation.
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Kurikulum PERMATA Negara: Asuhan dan Didikan Awal Kanak- kanak 0-4 tahun*. Malaysia: Author.
- Johnson-Martin, N.M., Jens, K.G., Attermeir, S.M., & Hacker, B.J. (1991). *The Carolina Curriculum for Infants and Toddlers with Special Needs (2nd Ed.)*. Baltimore, MD: Paul H. Brookes Publishing Co.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2010). Buku Rekod Kesihatan Bayi dan Kanak- kanak (0-6 tahun). Malaysia: Author.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Putrajaya: KPM

Mitchell, M.J. (1978). *A Step-by-Step Guide to Good Parenting and Brighter Babies*. Oxford: University of Australia and New Zealand.

Sanders, M.R. Mazzucchelli, T.G., & Studman, L.J. (2003). *Stepping Stones Triple "P" Family Workbook*. Brisbane, QLD: Triple P International.

Sheridan, M.D. (2008). *From Birth to Five Years: Children's Developmental Progress*. (3rd Ed.). New York: Routledge.

St. Louis, K.O. & Ruscello, D.M. (2000). *Oral Speech Mechanism Screening Examination* (3rd Ed.). Austin, TX: Pro- Ed.

Wan Ismail, W.A. (2000). Perkembangan Kanak-Kanak Tanda-Tanda Penting Penilaian Mudah dan Stimulasi.

Developmental Milestone: Socialisation (<http://www.babycentre.co.uk/a1041636/developmental-milestones-socialisation>).

Ilustrasi grafik diperoleh daripada <https://sports-961.com/stages-of-growth-and-development-for-children/>

Squires, J. & Bricker, D. (2009). *Ages and Stages Questionnaires Third Edition (ASQ-3)*. Baltimore: Brookes Publishing.

Centers for Disease Control and Prevention (CDC) (<https://www.cdc.gov/ncbddd/actearly/milestones/index.html>)

Queensland Government. Queen Health Red Flags Referral Guidelines. (https://www.health.qld.gov.au/__data/assets/pdf_file/0030/369651/paediatrics-reg-flag.pdf)

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan Senarai Semak Pengesanan Perkembangan Bayi dan Kanak- Kanak 1 Bulan hingga 6 Tahun bagi Tujuan Pendidikan.

Penggubal:

1. Puan Liyana Gan binti Abdullah
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas
2. Dr. Mahfuzah binti Zainol
Penolong Pengarah (Terapi Cara Kerja)
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas
3. Puan Siti Aisyah binti Ismail
Penolong Pengarah (Psikologi Klinikal)
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas
4. Cik Farhana binti Nor Azmi
Penolong Pengarah (Psikologi Klinikal)
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas
5. Puan Iffah Rashida binti Mazlan
Penolong Pengarah (Terapi Pertuturan-Bahasa)
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas
6. Cik Nurdyiana binti Abd Halim
Penolong Pengarah (Psikologi)
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas
7. Cik Nur Fatehah binti Mohd Shukri
Penolong Pengarah (Audiologi)
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas

8. Puan Norsyamimi binti Rusli
Penolong Pengarah (Terapi Cara Kerja)
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas
9. Encik Khairul Annuar bin Jamil
Penolong Pengarah (Audiologi)
Sektor Latihan dan Khidmat Bantu
Bahagian Pendidikan Khas
10. Puan Siti Jamilah binti Samsudin
Penolong Pengarah (Terapi Pertuturan-Bahasa)
Bahagian Pendidikan Khas
11. Dr. Aminah Bee binti Mohd Kassim
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
12. Dr. Etain Vong
Pensyarah Kanan (Terapis Pertuturan-Bahasa)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
13. Dr. Mastura binti Badzis
Pensyarah
Kulliyyah of Education
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
14. Datin Dr. Rohani binti Abd Rahman
Pensyarah (Jurupulih Cara Kerja)
Universiti Sains Malaysia (USM)
15. Encik Jasni bin Abdullah
Jurupulih Cara Kerja
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
16. Matron Cheoh Siew Tin
Ketua Penyelia Jururawat
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Turut Menyumbang:

1. Encik Sukiman bin Daud
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas
2. Encik Mohd Helmy bin Mahat
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas
Bahagian Pendidikan Khas
3. Puan Nordina binti Nayan
Penolong Pengarah
Sektor Perancangan dan Penyelidikan
Bahagian Pendidikan Khas
4. Dr. Maizatul Azmah binti Ab. Latiff
Penolong Pengarah
Sektor Perancangan dan Penyelidikan
Bahagian Pendidikan Khas
5. Puan Rasyidah binti Mohd Rasul
Penolong Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
6. Puan Norhayati binti Othman
Penolong Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
7. Encik Zamri bin Ismail
Penolong Pengarah (Audiologi)
Bahagian Pendidikan Khas
8. Encik Ng Swee Guan
Penolong Pengarah (Audiologi)
Bahagian Pendidikan Khas
9. Puan Zainun binti Tukiman
Penolong Pengarah (Audiologi)
Bahagian Pendidikan Khas
10. Cik Tharishni a/p Anblagan
Penolong Pengarah (Psikologi)
Bahagian Pendidikan Khas


11. Puan Siti Wan Aminah binti Wan Norudin
Penolong Pengarah (Psikologi)
Bahagian Pendidikan Khas
12. Puan Norfarhana binti Mohd Yusof
Penolong Pengarah (Terapi Cara Kerja)
Bahagian Pendidikan Khas
13. Encik Razali bin Wahab
Penolong Pengarah (Pegawai Intervensi)
Bahagian Pendidikan Khas
14. Encik Zaidee bin Hamzah
Penolong Pengarah (Pegawai Intervensi)
Bahagian Pendidikan Khas
15. Encik Rithauddin bin Abdull Rahim
Penolong Pengarah (Pegawai Intervensi)
Bahagian Pendidikan Khas
16. Encik Muhammad Nazri bin Abd Ghani
Penolong Pengarah (Pegawai Intervensi)
Bahagian Pendidikan Khas
17. Encik Mushni bin Hashim
Penolong Pengarah (Pegawai Intervensi)
Bahagian Pendidikan Khas
18. Encik Nik Noor Azman bin Mohd Yusoff
Penolong Pengarah (Pegawai Intervensi)
Bahagian Pendidikan Khas
19. Encik Ahmad Raud bin Jupakkal
Penolong Pengarah (Pegawai Intervensi)
Bahagian Pendidikan Khas
20. Puan Mazlifah binti Mohamad
Penolong Pengarah (Pegawai Intervensi)
Bahagian Pendidikan Khas

Ahli Panel Verifikasi Kandungan:

1. Dr. Low Hui Min
Pensyarah
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
2. Encik Hazhari bin Ismail
Pensyarah
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Universiti Pendidikan Sultan Idris
3. Puan Noor Hidayah binti Hasnani
Penolong Pengarah (Psikologi)
Pusat Perkhidmatan Pendidikan Selangor
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
4. Puan Mazidah Hasanah binti Muhajir
Penolong Pengarah (Psikologi)
Pusat Perkhidmatan Pendidikan Putrajaya
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
5. Puan Siti Nordiana binti Othmin
Guru Prasekolah
Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 9 (2)
6. Puan Nuratiqah binti Mohd Kahar
Guru Pendidikan Khas
Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 9 (2)

**BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

ISBN 978-967-2611-61-5



9 7 8 9 6 7 2 6 1 1 6 1 5